

Yang di-Pertuan Agong lawat Mahathir

YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berangkat melawat Tun Dr Mahathir Mohamad di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur, semalam. Tuanku Syed Sirajuddin yang disertai Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid yang tiba jam 5 petang disambut pegawai kanan IJN, meluangkan masa kira-kira sejam bersama Dr Mahathir. Antara tetamu kenamaan lain yang melawat bekas Perdana Menteri itu termasuk Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk

Seri Abdul Aziz Shamsuddin, Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique; bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik dan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Chong Kah Kiat. Dr Mahathir yang mengalami serangan jantung ringan pada 9 November lalu dinasihatkan doktor berehat beberapa minggu dan tidak melakukan aktiviti yang boleh menjejaskan kesihatannya.